

27/02/2001

Perlindungan daripada kesan buruk perlu ada

ir Dikoh; Saidon Idris; Halim Yusof

NEGARA membangun perlu mewujudkan satu bentuk kerjasama serantau bagi melindungi mereka daripada kesan buruk globalisasi, terutamanya membabitkan ketidaktentuan pergerakan modal.

"Kita sudah dipecah dan diperintah sejak kira-kira 200 tahun yang lalu, dan kini adalah masanya untuk kita bekerjasama," kata Pengarah Pusat Penyelidikan Sekuriti Global Universiti Keio, Jepun, Eisuke Sakakibara.

Beliau yang juga bekas naib menteri kewangan Jepun berkata demikian dalam sesi soal jawab perbincangan panel bertajuk Globalisasi dan Liberalisasi: Manfaat dan Kos di Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi di Kuala Lumpur, semalam.

Sakakibara yang lebih dikenali sebagai "Mr Yen", berkata walaupun satu ketika dulu, "laungan" negara membangun kurang dipedulikan negara maju, tetapi kini keadaannya sudah berbeza.

"Suara daripada dunia sebelah sini sudah mula didengari. Sebagai contoh, pendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini mendapat perhatian di peringkat antarabangsa," katanya.

Malah, beliau menegaskan langkah Malaysia melaksanakan kawalan modal yang sebelum ini dikecam banyak pihak kini sudah mendapat pengiktirafan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sebagai berkesan melindungi ekonominya daripada keadaan tidak menentu pasaran kewangan antarabangsa.

Sebelum itu ketika membentangkan kertas kerjanya, Sakakibara menegaskan bahawa kemajuan dalam globalisasi memerlukan kajian semula terhadap peranan institusi antarabangsa seperti IMF dan bank Dunia.

Beliau berkata, satu organisasi bagi mengawal selia pergerakan dana dan modal di peringkat antarabangsa perlu diwujudkan bagi mengukuhkan sistem kewangan dunia.

"Di peringkat domestik peranan mengukuhkan sistem kewangan boleh dilakukan Bank Pusat, tetapi di peringkat antarabangsa tidak ada badan yang mengawalnya," katanya.

Berikutan ketiadaan institusi sedemikian, Sakakibara menekankan mengenai perlunya setiap negara melindungi ekonomi mereka daripada ketidaktentuan aliran keluar masuk modal.

"Pelaksanaan kawalan modal seperti dilaksanakan Malaysia adalah satu contoh perlindungan itu," katanya.

(END)